



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 54  
No. 26

**22hb Disember 2011**

*TAMBAHAN No. 3  
ENAKMEN*


---

---

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactment, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, is published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

| No.        | Tajuk Ringkas/Short Title                 |
|------------|-------------------------------------------|
| Enakmen 17 | Enakmen Air 2011<br>Waters Enactment 2011 |



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**

**Enakmen 17**

**ENAKMEN AIR 2011**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... .. 24 November 2011

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... .. 22 Disember 2011

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

**UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS****Enakmen 17****ENAKMEN AIR 2011**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN  
JAMALULLAIL  
*Raja Perlis*

28 Zulhijjah 1432  
24 November 2011

Suatu Enakmen untuk mengawal sungai dan anak sungai.

[ ]

**MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

**Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa**

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Air 2011.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

**2.** Dalam Enakmen ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang selainnya—

“Pengarah” ertinya Pengarah Pengairan dan Saliran, atau seorang pegawai awam yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai Pengarah suatu pihak berkuasa yang ditubuhkan bagi maksud Enakmen ini;

“sungai” termasuklah—

- (a) cawang suatu sungai dan mana-mana anak sungai atau aliran air semula jadi;
- (b) mana-mana terusan yang diisytihar oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui *Warta* sebagai tertakluk kepada Enakmen ini;

“sumber aliran air” termasuklah sungai, anak sungai, terusan, empangan, takungan, perigi, longkang, parit dan saluran-saluran di mana air mengalir selain dari paip-paip untuk membekal air ke mana-mana premis;

“tanah Kerajaan” dan “tanah bermilik” mempunyai maksud yang sama sepertimana ditafsir dalam Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 Tahun 1965*].

### **Hak pada sungai**

3. Tertakluk kepada syarat-syarat dalam mana-mana geran nyata oleh atau bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri, keseluruhan hak dan kawalan semua sungai dalam Negeri adalah dan hendaklah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri; dengan syarat bahawa dalam hal tanah yang dipegang oleh Kerajaan di bawah geran atau pajakan atau dirizab untuk tujuan awam dan disenggara oleh suatu Jabatan Kerajaan, kawalan itu boleh dijalankan oleh Ketua Jabatan itu, di bawah arahan Pihak Berkuasa Negeri.

### **Pemulihan tebing sungai**

4. Mana-mana orang yang mengganggu tebing mana-mana sungai atau sumber aliran air boleh dengan perintah Pihak Berkuasa Negeri dikehendaki memulihkan sungai itu kepada keadaan seperti sebelum diganggu atau memperbuat sungai itu dengan cara yang ditetapkan dalam perintah itu.

**Larangan perbuatan memudaratkan sungai, melainkan dengan lesen**

**5.** (1) Tiada sesiapa boleh, melainkan di bawah dan bersesuaian dengan syarat suatu lesen di bawah Enakmen ini—

- (a) menebangkan mana-mana pokok supaya jatuh ke dalam mana-mana sungai atau sumber aliran air;
- (b) dalam apa-apa cara menghalang atau mengganggu mana-mana sungai atau sumber aliran air;
- (c) membina apa-apa jambatan, jeti, atau pangkalan mendarat (selain dari tempat mandian) atas atau di tepi mana-mana sungai pada satu tempat di mana kelebaran sungai itu melebihi dua puluh kaki.

(2) Lesen untuk melakukan mana-mana perbuatan yang ditetapkan dalam subseksyen (1) boleh dikeluarkan oleh Pengarah, dalam setiap kes, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dan lesen itu boleh tertakluk kepada syarat dan sekatan seperti Pihak Berkuasa Negeri meluluskan; semua syarat dan sekatan itu hendaklah dinyatakan dalam lesen.

(3) Tiada apa dalam subseksyen (1) boleh disifatkan terpakai kepada mana-mana jambatan, jeti, atau pangkalan mendarat yang wujud pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini atau kepada pembaikan atau pembaharuannya.

**Anggapan**

**6.** Di mana tebing suatu sungai atau sumber aliran air diganggu dengan, atau di mana penebangan, halangan, gangguan, atau binaan berlaku berlawanan dengan seksyen 5, pemilik atau penghuni tanah di mana tebing itu diganggu dengan atau mana-mana bahagian daripadanya adalah termasuk dan pemilik dan penghuni tanah itu yang di atasnya pokok itu ditumbang atau yang paling hampir dengan halangan, gangguan atau binaan itu hendaklah dalam mana-mana prosiding di bawah Enakmen ini disifatkan, dalam ketiadaan bukti di sebaliknya, telah mengganggu tebing itu, atau telah menyebabkan penebangan, halangan, atau binaan itu, menurut mana yang berkenaan.

**Larangan perubahan haluan atau pengambilan air daripada sungai, melainkan dengan lesen**

7. (1) Kecuali diberi kuasa dengan nyata di bawah peruntukan mana-mana undang-undang lain tiada sesiapa boleh, melainkan di bawah dan bersesuaian dengan syarat suatu lesen di bawah Enakmen ini, dengan menggunakan longkang, parit, saluran, paip, atau sebaliknya mengubah haluan air daripada mana-mana sungai dari haluan semula jadinya atau mengambil air daripada mana-mana sungai atau sumber aliran air.

(2) Pada bila-bila masa perubahan haluan atau pengambilan itu telah dibuat, pemilik atau penghuni tanah yang mendapat manfaat (jika ada) dari perubahan haluan atau pengambilan itu hendaklah, dalam ketiadaan bukti di sebaliknya, dianggap sebagai telah melakukannya.

(3) Lesen untuk—

- (a) mengubah haluan atau mengambil air daripada suatu sungai atau sumber aliran air bagi kegunaan penjanaan elektrik; atau
- (b) mengubah haluan atau mengambil air daripada suatu sungai atau sumber aliran air bagi tujuan penyediaan bekalan air atau perkhidmatan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*];

boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Lesen untuk mengubah haluan atau mengambil air daripada suatu sungai bagi kegunaan—

- (a) dalam penanaman padi; atau
- (b) untuk industri atau tujuan-tujuan lain,

boleh diberikan Pengarah, dalam setiap kes di bawah perenggan (b) subseksyen ini, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Subseksyen (1) hendaklah tidak terpakai kepada pengubahan haluan atau pengambilan air daripada mana-mana sungai atau sumber aliran air oleh mana-mana orang untuk tujuan domestik.

(6) Setiap lesen yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan tujuan ia diberikan dan hendaklah bagi suatu tempoh dan tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan dalamnya.

(7) Bagi maksud seksyen ini perkataan “sungai” hendaklah tanpa menjejaskan seksyen 2 disifatkan sebagai termasuk selanjutnya—

- (a) mana-mana air pedalaman sama ada atau tidak air pedalaman itu termasuk dalam tafsiran “sungai” dalam seksyen 2;
- (b) mana-mana sumber air bawah tanah;
- (c) mana-mana air di muara atau laut berdampingan dengan pantai.

### **Larangan pencemaran sungai dan sumber aliran air**

**8.** (1) Kecuali diberi kuasa dengan nyata di bawah mana-mana undang-undang atau terma suatu kelulusan khusus dibuat oleh atau bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri, tiada sesiapa boleh melainkan di bawah atau bersesuaian dengan terma dan syarat lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini memasukkan atau melepaskan ke dalam mana-mana sungai atau sumber aliran air—

- (a) apa-apa bahan beracun, berbahaya atau mencemar yang akan menyebabkan atau mungkin akan menyebabkan atau menyumbang kepada sebab sungai atau sumber aliran air itu atau sebahagiannya berbahaya atau menjejaskan atau memudarat kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada kehidupan atau kesihatan binatang atau tumbuhan makanan atau kepada kegunaan bermanfaat lain sungai atau sumber aliran air itu;



- (b) apa-apa bahan yang pada sifat suhu, kandungan kimia atau biologikalnya atau kesannya dalam mengubah warna air menjadikan atau menyumbang kepada menjadikan sungai atau sumber aliran air itu atau bahagiannya berpotensi bahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada kehidupan atau kesihatan binatang atau tumbuhan makanan atau kepada kegunaan bermanfaat lain sungai atau sumber aliran air itu;
  - (c) apa-apa bahan yang pada sifat fizikal semula jadinya, atau kesannya dalam mengubah warna air menjadikan atau menyumbang kepada menjadikan sungai itu sukar untuk dirawat; atau
  - (d) minyak dari sebarang jenis, terpakai, sisa atau sebaliknya.
- (2) Bagi maksud seksyen ini perkataan “sungai” hendaklah tanpa menjejaskan seksyen 2 disifatkan sebagai termasuk selanjutnya—
- (a) mana-mana air pedalaman sama ada atau tidak air pedalaman itu termasuk dalam tafsiran “sungai” dalam seksyen 2;
  - (b) mana-mana sumber air bawah tanah;
  - (c) mana-mana air di muara atau laut berdampingan dengan pantai.
- (3) Pada bila-bila masa kemasukan atau pelepasan telah dibuat, pemilik atau penghuni harta dari mana kemasukan atau pelepasan itu berpunca hendaklah, dalam ketiadaan bukti di sebaliknya, dianggap sebagai telah melakukannya.
- (4) Lesen untuk memasuki atau melepaskan ke dalam sungai atau sumber aliran air mana-mana bahan diperihalkan dalam subseksyen (1) seksyen ini boleh diberikan oleh Pengarah.

(5) Setiap lesen yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan tujuan untuk apa ia diberikan dan hendaklah bagi suatu tempoh dan tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan dalamnya.

(6) Pengarah hendaklah mempunyai kuasa pada bila-bila masa tanpa menyatakan sebab untuk—

- (a) menolak untuk memberi lesen;
- (b) membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini; atau
- (c) meminda atau mengubah tempoh, terma dan syarat mana-mana lesen:

Dengan syarat bahawa di mana suatu rayuan merujuk kepada perenggan (7)(a) dibuat atas pembatalan mana-mana lesen, atau pindaan atau perubahan tempoh, terma dan syarat lesen itu dibuat oleh Pengarah di bawah perenggan (b) dan (c) terdahulu, lesen itu hendaklah berkuat kuasa sehingga rayuan itu dilupuskan bersesuaian dengan keputusan lembaga rayuan merujuk kepada perenggan (7)(d).

(7)(a) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pengarah hendaklah dalam tempoh dua puluh satu hari selepas penerimaan notis keputusan itu merayu kepada lembaga rayuan di mana permohonan lesen di bawah seksyen ini pada asalnya dibuat.

(b) Lembaga rayuan yang merujuk kepada perenggan (a) terdahulu hendaklah terdiri dari anggota berikut—

- (i) Menteri Besar;
- (ii) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (iii) Penasihat Undang-Undang Negeri;

- (iv) Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri;
  - (v) Pengarah Tanah dan Galian Negeri;
  - (vi) dua anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dari penamaan yang dibuat oleh kumpulan pembuatan dan penanaman.
- (c) Setiap anggota yang dilantik di bawah subperenggan (b)(vi) di atas hendaklah, melainkan dia terlebih dahulu meletak jawatan atau jawatan atau pelantikannya dibatalkan, atau jawatannya hendaklah menjadi kosong, memegang jawatan untuk satu tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh pelantikan tetapi hendaklah layak untuk dilantik semula.
- (d) Apabila rayuan diterima, lembaga rayuan hendaklah mengadakan satu mesyuarat dan memakai tatacara tertentu dan membuat keputusan tertentu seperti difikirkan patut dan keputusannya hendaklah menjadi muktamad.
- (8) Tiada pampasan boleh dibayar kepada mana-mana pemegang lesen yang lesennya dibatalkan, dipinda atau diubah menurut subseksyen (6).
- (9) Pihak Berkuasa Negeri boleh bagi maksud menentukan syarat dan sekatan yang hendak ditetapkan atas lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) melantik suatu jawatankuasa terdiri daripada orang yang akan ditentukan.
- (10) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dalam pelantikan Jawatankuasa itu mengambil kira keperluan untuk melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan awam dan kesihatan dan kehidupan binatang dan tumbuhan serta juga keperluan untuk menggalakkan pertumbuhan industri dan untuk melindungi kegunaan bermanfaat lain sungai atau sumber aliran air itu.

**Lesen untuk mengubah haluan atau mengambil air boleh membenarkan gangguan ke atas tanah Kerajaan dan tanah bermilik**

**9.** (1) Lesen di bawah Enakmen ini untuk mengubah haluan atau mengambil air dari sungai atau sumber aliran air boleh membenarkan pemegang lesen untuk mendirikan, memotong, atau membina dan menyenggara di atas dan sepanjang tanah Kerajaan atau tanah bermilik yang ditetapkan apa-apa pam, paip-paip, saluran, laluan, parit, empangan atau takungan dan, tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam lesen itu, untuk mengambil dan mengguna dari situ dalam kuantiti tertentu dan cara tertentu yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan perlu bagi menjalankan maksud lesen itu.

(2) Pemegang lesen yang dibenarkan sedemikian boleh memasuki tanah Kerajaan atau tanah bermilik yang ditetapkan bagi maksud yang dinyatakan dalam lesen itu dan menjalankan semua atau mana-mana kerja yang diluluskan dan melaksanakan semua atau mana-mana hak yang diberikan; dengan syarat bahawa dia hendaklah bertanggungjawab memberi pampasan kepada pemilik atau penghuni sah tanah bermilik itu di atas mana kerja-kerja itu hendak dijalankan atau hak-hak itu dilaksanakan.

**Pembatalan dan pemindaan lesen**

**10.** (1) Hendaklah berkuasa pada bila-bila masa—

- (a) tanpa menyatakan sebab untuk membatalkan atau meminda, atau untuk mengubah tempoh, terma, atau syarat mana-mana lesen diberikan di bawah Enakmen ini dengan pembayaran kepada pemegang lesen pampasan bagi apa-apa kerosakan yang dia mungkin mengalami berkaitan dengan pembatalan, pindaan atau perubahan itu;
- (b) untuk membatalkan tanpa pampasan apa-apa lesen atas pelanggaran oleh pemegang lesen mana-mana syarat atau sekatan yang mana lesen itu adalah tertakluk atau atas sabitan terhadap pemegang lesen atas mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini.

(2) Kuasa yang dirujuk di bawah subseksyen (1) boleh dalam hal lesen yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dalam hal lesen yang diberikan oleh Pengarah dilaksanakan oleh Pengarah itu; dengan syarat bahawa dalam hal lesen yang pemberiannya memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, kelulusan itu hendaklah perlu juga dilaksanakan oleh Pengarah merujuk kepada kuasa di bawah subseksyen (1).

### **Taksiran pampasan**

**11.** Jumlah pampasan yang kena dibayar di bawah mana-mana satu dari dua seksyen terdahulu itu hendaklah, jika tidak dapat diselesaikan dengan persetujuan antara pihak-pihak berkenaan, dituntut dan diputuskan melalui tindakan dalam Mahkamah yang bersesuaian.

### **Rekod mengenai lesen atas hakmilik yang terjejas**

**12.** Di mana tanah berimilik terjejas oleh mana-mana pihak berkuasa di bawah seksyen 8 terkandung dalam suatu lesen untuk mengubah haluan atau mengambil air dari sungai atau sumber aliran air, Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik, mengikut mana yang berkenaan, yang mempunyai kawalan ke atas Daftar dalam mana hakmilik pada tanah itu direkod hendaklah, apabila lesen itu dikemukakan kepadanya, membuat dalam Daftar itu suatu catatan pada geran mengenai lesen itu dan tempoh mengenainya dan hendaklah mengesahkan pada lesen itu bahawa catatan itu telah dibuat dan hendaklah, atas bukti yang memuaskan hatinya mengenai pembatalan mana-mana lesen yang mana catatan telah dibuat dalam Daftar itu, membuat catatan mengenai pembatalan itu.

### **Fi untuk lesen**

**13.** (1) Bagi setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini hendaklah kena dibayar suatu fi tahunan seperti yang ditetapkan, atau jika tiada fi tahunan ditetapkan, suatu fi tahunan yang boleh Pihak Berkuasa Negeri kenakan.

(2) Jumlah fi tahunan itu, dengan tarikh bayaran menjadi genap masa, hendaklah dinyatakan dalam setiap lesen.

(3) Walau apapun peruntukan sebelum ini, dalam hal lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 7(3), hendaklah dibayar berkaitan dengannya, sama ada suatu fi tahunan atau bayaran lain seperti yang Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan setelah berunding dengan agensi yang berkenaan, yang kena dibayar pada suatu kadar, pada suatu tarikh, dan dengan cara yang dinyatakan dalam lesen.

(4) Mana-mana lesen yang mana fi atau bayaran lain belum berbayar selama enam puluh hari selepas menjadi genap masa boleh, tanpa notis kepada pemegang lesen, dibatalkan dan tiada pampasan kena dibayar berkenaan pembatalan itu.

(5) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada semua atau sebahagian dari fi atau bayaran lain itu.

#### **Tanggungan bagi kerosakan**

**14.** Tiada lesen di bawah Enakmen ini boleh mengecualikan mana-mana orang daripada tanggungan berkenaan apa-apa kerosakan oleh orang itu kepada harta Kerajaan atau mana-mana orang.

#### **Sekatan membina tembok dan binaan di tebing sungai, sumber aliran air atau saluran banjir**

**15.** (1) Setakat mana dibenarkan dengan nyata di bawah peruntukan mana-mana undang-undang lain, tiada orang boleh selepas permulaan kuat kuasa Enakmen ini mendirikan atau membina apa-apa tembok atau membuat apa-apa benteng sepanjang tebing mana-mana sungai atau sumber aliran air atau mendirikan apa-apa binaan atau struktur dalam lima puluh kaki dari tebing itu, atau dalam mana-mana saluran banjir yang diisytihar di bawah seksyen ini, melainkan di bawah dan bersesuaian dengan terma-terma kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Negeri; kebenaran itu boleh tertakluk kepada syarat dan sekatan seperti Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut untuk dikenakan.

(2) Di mana Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa dasar sungai adalah tidak mencukupi untuk menampung air sungai semasa banjir seperti semunasabahnya dijangka, ia boleh dengan pemberitahuan dalam *Warta* mengisytiharkan mana-mana tanah yang berdampingan dengan sungai atau sumber aliran air itu dan menganjur ke suatu jarak sama ada dari mana-mana satu atau kedua-dua tebing seperti ditetapkan dalam pemberitahuan itu sebagai saluran banjir untuk sungai atau sumber aliran air itu, dan boleh pada bila-bila masa dengan cara yang sama membatalkan atau meminda perisytiharan itu.

(3) Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis olehnya boleh memasuki dan memeriksa mana-mana bangunan dan premis yang mana suatu kebenaran di bawah subseksyen (1) adalah berkenaan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini boleh didenda sebanyak dua ribu ringgit; dan apa-apa bangunan atau binaan yang dibuat atau didirikan berlawanan dengan seksyen ini boleh dipindah dengan perintah Pihak Berkuasa Negeri dan kos pemindahan itu boleh didapatkan semula daripada orang itu oleh Pihak Berkuasa Negeri, atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri, melalui tindakan sivil.

(5) Tiada apa dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai kepada apa-apa tembok, benteng, binaan atau struktur yang telah wujud atau sedang dalam pembinaan pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini atau diperbaharui atau diperbaiki.

### **Kawasan Tadahan Air**

**16.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, bila sahaja difikirkan perlu atau wajar untuk melindungi atau memulihara mana-mana sumber air, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan tadahan.

(2) Perintah dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) menentukan sempadan kawasan tadahan itu;
- (b) menetapkan jenis aktiviti, jika ada, yang mungkin dibenarkan dalam kawasan tadahan itu atau mana-mana bahagiannya; dan
- (c) memperuntukkan butiran-butiran lain berkenaan kawasan tadahan itu seperti Pihak Berkuasa Negeri fikirkan perlu.

(3) Jika ia kelihatan pada Pihak Berkuasa Negeri sebagai perlu bagi maksud mencegah pencemaran, kontaminasi atau pemendapan kawasan tadahan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri boleh membawa kepada pencemaran, kontaminasi atau pemendapan mana-mana sumber aliran air, Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat peraturan bagi melarang atau mengawal perlakuan dalam kawasan itu apa-apa perbuatan yang ditetapkan dalam peraturan, dan peraturan itu boleh memperuntukkan peruntukan berbeza bagi kawasan tadahan yang berbeza atau sebahagiannya.

(4) Mana-mana peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (3) boleh memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah peraturan itu boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjara untuk suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu dilakukan.

### **Kuasa Pengarah dalam kawasan tadahan**

**17.** (1) Pengarah boleh, dengan notis bertulis—

- (a) menghendaki mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti dalam kawasan tadahan selain dari mereka yang telah dibenarkan di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya untuk menghentikan aktiviti dalam tempoh yang disyaratkan dalam notis itu dan jika aktiviti itu menyebabkan atau mungkin boleh menyebabkan pencemaran, kontaminasi



atau pemendapan mana-mana sumber aliran air, untuk melaksanakan dan menjaga dengan baik, kerja-kerja seperti mana Pengarah fikirkan perlu bagi mencegah pencemaran, kontaminasi atau pemendapan sumber aliran air itu;

- (b) menghendaki pemilik atau penghuni mana-mana premis dalam kawasan tadahan yang penggunaan atau pendudukan atau aktiviti ke atas premis itu menyebabkan atau mungkin akan menyebabkan pencemaran, kontaminasi atau pemendapan sumber aliran air untuk melaksanakan dan menjaga dengan baik kerja-kerja yang ia fikirkan perlu bagi mencegah pencemaran, kontaminasi atau pemendapan kepada sumber aliran air itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjara untuk suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada denda atau hukuman di bawah subseksyen (2) boleh menjejaskan kuasa Pengarah untuk melaksanakan dan menjaga dengan baik kerja-kerja yang ia fikirkan perlu bagi mencegah pencemaran, kontaminasi atau pemendapan kepada sumber aliran air itu dan kos yang munasabah bagi pelaksanaan dan pembaikan itu boleh didapatkan semula daripada orang-orang yang telah diserahkan notis di bawah subseksyen (1) sebagai hutang kepada Kerajaan Negeri.

#### **Arahan-arahan kemarau umum**

**18.** (1) Jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa, atas alasan kekurangan hujan luar biasa, satu pengurangan serius bekalan air dalam mana-mana kawasan wujud atau mengancam maka Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan perintah mengambil tindakan seperti ia fikirkan wajar untuk mengatasi pengurangan itu.

(2) Tanpa menjejaskan peruntukan subseksyen (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan perintah—

- (a) mengubah haluan atau mengambil atau menyebabkan mana-mana orang lain untuk mengubah haluan atau mengambil air dari mana-mana sungai atau sumber aliran air atau melepaskan air ke mana-mana tempat yang ditetapkan dalam perintah itu;
- (b) melarang atau menghadkan pengubahan haluan atau pengambilan air dari mana-mana sungai atau sumber aliran air oleh mana-mana orang atau kelas orang atau dalam mana-mana lokaliti seperti ditetapkan dalam perintah itu; dan
- (c) menghendaki mana-mana orang untuk melaksanakan apa-apa kerja yang dikehendaki bagi pelaksanaan apa-apa tugas atau perjalanan apa-apa kuasa yang dikenakan atau diberikan oleh perintah itu.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan syarat dan untuk tempoh tertentu, meminda, mengubah, melanjutkan, menggantung, menghad atau menarik balik mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2).

(4) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana keperluan perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjara untuk satu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud seksyen ini perkataan “sungai” hendaklah tanpa menjejaskan seksyen 2 disifatkan sebagai termasuk selanjutnya—

- (a) mana-mana air pedalaman sama ada atau tidak air pedalaman itu termasuk dalam tafsiran “sungai” dalam seksyen 2;
- (b) mana-mana sumber air bawah tanah;
- (c) mana-mana air di muara atau laut berdampingan dengan pantai.

**Perintah perlindungan air**

**19.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan satu perintah perlindungan air jika berpuas hati bahawa, berkaitan dengan mana-mana sungai atau sumber aliran air, terdapat—

- (a) satu ancaman atau bahaya besar atau segera kepada kuantiti atau kualiti air;
- (b) satu ancaman dan bahaya pencemaran segera dan serius;
- (c) satu ancaman dan bahaya serius kepada kesihatan, disebabkan oleh atau disumbang oleh aktiviti tertentu;
- (d) satu ancaman atau bahaya serius kepada alam sekeliling.

(2) Perintah perlindungan air itu hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan dalam mana-mana media dan hendaklah mengenal pasti—

- (a) objektif perintah itu;
- (b) sungai yang ia terpakai;
- (c) orang yang ia terpakai;
- (d) tindakan dan langkah yang hendak diambil;
- (e) perubahan yang hendak dibuat kepada mana-mana aktiviti yang mesti dihenti, hendaklah diubah atau diambil bagi mengurangkan atau menghapuskan ancaman kepada air; dan
- (f) masa yang dibenarkan bagi tindakan itu diambil atau bagi aktiviti itu dihentikan.

(3) Suatu perintah boleh berterusan bagi satu tempoh tidak melebihi tiga puluh hari dan apabila luput boleh diperbaharui bagi satu tempoh seperti ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan ubahsuaian atau perubahan seperti Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut.

(4) Jika mana-mana orang gagal untuk mengambil apa-apa tindakan atau langkah yang ditetapkan dalam satu perintah perlindungan air atau gagal untuk mengambil tindakan atau langkah dalam tempoh yang ditetapkan dalam satu perintah perlindungan air,

(5) Walau apapun subseksyen (4) mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan untuk satu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud seksyen ini perkataan “sungai” hendaklah tanpa menjejaskan seksyen 2 disifatkan sebagai termasuk selanjutnya—

- (a) mana-mana air pedalaman sama ada atau tidak air pedalaman itu termasuk dalam tafsiran “sungai” dalam seksyen 2;
- (b) mana-mana sumber air bawah tanah;
- (c) mana-mana air di muara atau laut berdampingan dengan pantai.

### **Penalti; izin untuk pendakwaan**

**20.** (1) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi apa-apa perintah yang diberi di bawah seksyen 4 boleh didenda sebanyak lima ratus ringgit dan tambahan denda sebanyak sepuluh ringgit sehari bagi setiap hari yang keingkaran itu berterusan.

(2) Mana-mana orang yang gagal melanggar seksyen 5, 7 dan 8 boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan untuk satu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada pendakwaan boleh dimulakan berkaitan dengan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen ini melainkan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

(4) Di mana satu sabitan telah dibuat di hadapan Mahkamah Majistret Kelas Pertama terhadap mana-mana kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (2) mahkamah itu boleh mengenakan apa-apa penalti yang diperuntukkan oleh Enakmen ini.

**Kuasa untuk menghentikan dan meremidi perbuatan tidak sah**

**21.** (1) Di mana mana-mana orang itu mengganggu tebing suatu sungai atau melanggar seksyen 5, 7 atau 8, Pihak Berkuasa Negeri boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan semua perkara yang pada fikirannya perlu atau wajar bagi meremidi gangguan atau pelanggaran itu atau akibat daripadanya, dan kos yang dialami boleh didapatkan semula daripada orang itu oleh Pihak Berkuasa Negeri, atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri, melalui tindakan sivil.

(2) Dengan menguatkan dan dengan tidak mengurangkan pada amnya kuasa-kuasa sebelum ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh menyebabkan tebing mana-mana sungai atau sumber aliran air yang telah diganggu dikembalikan ke asal atau dibuat semula, mana-mana pokok yang apabila ditebang jatuh ke dalam satu sungai, atau mana-mana halangan dalam atau gangguan kepada satu sungai, atau mana-mana jambatan, jeti atau tempat mendarat (selain daripada rumah mandian) di atas atau di tepi mana-mana sungai dialihkan atau dimusnahkan, dan mana-mana longkang, parit, saluran, paip, atau lain-lain cara untuk mengubah haluan air sungai atau sumber aliran air dari laluan semula jadinya dipenuhi, ditutup, dimusnahkan atau dialihkan.

(3) Bagi maksud apa-apa kerja atau perkara yang akan atau sedang dijalankan atau dilakukan di bawah seksyen ini, kemasukan boleh dibuat ke atas mana-mana tanah yang dimiliki atau dihuni oleh mana-mana orang yang gangguannya ke atas tebing satu sungai atau pelanggaran seksyen 5, 7 atau 8-nya telah membawa kepada kerja atau perkara itu; dengan syarat bahawa tiada apapun dalam peruntukan ini boleh membenarkan kemasukan ke dalam mana-mana rumah kediaman dan bahawa sebelum kemasukan ke atas tanah yang dimiliki atau dihuni secara sah oleh mana-mana orang notis bertulis tidak kurang dari dua puluh empat jam hendaklah, melainkan dalam kes di mana Pengarah mengarahkan sebaliknya, diberikan kepada pemilik atau penghuni itu.

(4) Tiada apapun yang terkandung dalam seksyen ini boleh menjejaskan tanggungan mana-mana orang terhadap pendakwaan dan hukuman di bawah seksyen 20.

**Tanggungan majikan**

**22.** Bagi maksud Enakmen ini setiap orang hendaklah bertanggung bagi setiap tindakan dan ketinggalan mana-mana agen atau pekhidmat yang digajinya dan bertindak dalam skop perkhidmatan itu sama seperti dan sama takatnya seolah-olah tindakan atau ketinggalan itu telah dibuat atau dilakukan oleh orang itu; tetapi tiada apapun dalam seksyen ini boleh menjejaskan tanggungan agen atau pekhidmat itu.

**Kaedah dan peraturan**

**23.** (1) Tanpa menjejaskan kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat kaedah atau peraturan di bawah mana-mana peruntukan lain Enakmen ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa membuat kaedah atau peraturan bagi maksud menetapkan apa-apa yang diperlu ditetapkan di bawah Enakmen ini dan bagi pelaksanaan peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan peruntukan am subseksyen (1), kaedah atau peraturan boleh dibuat bagi mana-mana maksud berikut—

- (a) untuk menetapkan hal-hal berkaitan dengan lesen yang diberikan di bawah Enakmen ini;
- (b) untuk menetapkan hal-hal berkaitan dengan fi, caj dan lain-lain bayaran yang dibenarkan di bawah Enakmen ini;
- (c) untuk mengawal tatacara pemasangan dan pengeluaran air;
- (d) untuk melarang atau mengawal mana-mana aktiviti dalam kawasan tadahan air;
- (e) untuk menetapkan hal-hal bagi mengurangkan kesan kemarau;
- (f) untuk menetapkan semua hal-hal lain amnya bagi memberi kesan kepada Enakmen ini.

**Pemansuhan, kecualian dan peralihan**

**24.** (1) Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, Enakmen Air 1357 [*Ps. En. 9/1357*] adalah dimansuhkan (selepas ini disebut “Enakmen termansuh”):


Dengan syarat semua kaedah dan peraturan yang dibuat atau yang berkuat kuasa seolah-olah ia dibuat di bawah Enakmen ini dan berkuat kuasa pada permulaan Enakmen ini, hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di bawah Enakmen ini dan hendaklah setakat yang kaedah dan peraturan itu tidak konsisten dengan Enakmen ini, terus berkuat kuasa sehinggalah dibatalkan dan digantikan dengan peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Kecuali setakat yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa-apa dalam Enakmen ini hendaklah—

- (a) menyentuh perjalanan kuat kuasa terdahulu, atau apa-apa jua pun yang dibuat dengan sewajarnya atau ditangguhkan di bawah Enakmen yang dimansuhkan; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, hak milik, kepentingan, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau ditanggung di bawah Enakmen termansuh.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 6 Julai 2011.  
[SUK.Ps. 05/376]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis*



# **LAWS OF THE STATE OF PERLIS**

## **Enactment 17**

**WATERS ENACTMENT 2011**



Date of Royal Assent            ...            ...            ...            24 November 2011

Date of publication in the *Gazette*    ...            ...            22 December 2011

Publisher's Copyright ©

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

